

# Pensyarah USIM jadi Pensyarah Pelawat Asing di UNTL

**SEREMBAN 19 Mei** - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) melakar sejarah tersendiri apabila seorang pensyarah kanannya dipilih sebagai Pensyarah Pelawat Asing pertama di Bahagian Pengajian Antarabangsa, Universidade Nacional Timor Lorosa'e (UNTL), Dili Timor Leste.

Dr. Mohd. Hazmi Mhd. Rusli, pensyarah kanan di Fakulti Syariah dan Undang-Undang yang berada di sana bermula 1 hingga 6 Mei lalu dijemput untuk berkongsi kepakaran beliau dalam undang-undang laut antarabangsa.

Jelas beliau, pihak UNTL turut meminta beliau menyampaikan syarahan berkenaan hak pelayaran dan navigasi menerusi selat bagi pelayaran antarabangsa, undang-undang pelayaran menerusi laut kepulauan Indonesia selain sempadan maritim antara Timor-Leste dengan Indonesia

serta Timor-Leste dengan Australia.

"Saya menyampaikan dua syarahan yang bertajuk *Undang-undang Konvensi Laut 1982 (LOSC)* dan *Kesan Terhadap Asia Tenggara: Rujukan Khas Timor Leste dan Isu Persempadanan Maritim Perairan Timor serta Selat Ombai Wetar*.

"Saya juga diminta menjalankan kuliah bagi kelas-kelas sarjana muda undang-undang di situ dan pelbagai soalan ditanyakan kepada saya terutama permasalahan batas maritim dan usahasama penerokaan minyak yang dilakukan oleh Timor-Leste dengan Australia," katanya di sini baru-baru ini.

Selain UNTL, Mohd. Hazmi juga diundang untuk memberi syarahan di universiti swasta pertama Timor-Leste iaitu Universidade Da Paz.

Jelasnya, berdasarkan maklum balas yang diterima, pelajar Timor Leste mempunyai minat untuk belajar dan memajukan negara mereka yang baharu merdeka itu selain berkeinginan untuk mencontohi kejayaan Malaysia.

Semasa di sana juga, beliau turut berkongsi bersama ahli akademik dan pelajar di sana mengenai sistem perundangan Malaysia.

Mohd. Hazmi merupakan Profesor Pelawat, School of Law, Far Eastern Federal University, Vladivostok, Russia; Penyelidik Bersekutu, Institut Oseanografi dan Sekitaran, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Penyelidik Bersekutu Pasca-kedoktoran Kehormat, Australian National Centre for Ocean Resources and Security, University of Wollongong, Australia.